

## LATAR BELAKANG

Ajaran Qadiani diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad Qadiani di India pada tahun 1889. Ajaran Qadiani adalah satu ajaran yang menyalahi dari ajaran Islam. Pengikut-pengikut ajaran Qadiani ini telah dihukum kafir oleh ulama'-ulama' Islam seluruh dunia.

Majlis Agama Islam Selangor telah menghukumkan kafir kepada pengikut-pengikut Qadiani yang berpusat di Batu 20, Jeram Kuala Selangor pada 15 Disember 1953 setelah dibicarakan dihadapan DYMM Sultan Selangor serta beberapa ulama' di Negeri Selangor.

## CIRI-CIRI KESALAHAN

### 1. Mendakwa sebagai Nabi yang menerima wahyu

Pada tahun 1901 Mirza Ghulam Ahmad telah membuat pernyataan yang mutlak mengenai dirinya sebagai nabi yang sebenar. Kemudian beliau menyamakan dirinya dengan nabi-nabi lain dan akhirnya menyatakan "Sayalah Muhammad Rasul Allah." Manakala dalam Al Khutbah al-Ilhamiah beliau berkata "Ini adalah kitab yang telah diilhamkan oleh Tuhan kepadaku di satu hari daripada hari-hari perayaan, malah ia adalah hakikat yang diwahyukan Tuhan kepadaku."

Dakwa tersebut bertentangan dengan Al - Quran Surah Al-Ahzab ayat 40 yang maksudnya;

*Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala nabi-nabi.*

### 2. Mendakwa diri sebagai Imam Mahdi

Selepas mendakwa diri sebagai Mujaddid pada tahun 1885, Mirza Ghulam Ahmad mendakwa sebagai Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu.

### 3. Mendakwa sebagai Isa Al-Masih

Atas desakan kawannya Nuruddin, pada tahun 1891 Mirza mendakwa dirinya sebagai Isa Al-Masih. Beliau mendakwa Nabi Isa tidak akan turun lagi ke dunia kerana beliau akan menggantikannya. Dakwaan ini terkandung dalam buku Fath al-Islam, Taudih al-Maram dan Izalah al- Auham.

### 4. Mendakwa mempunyai mukjizat.

Selain daripada mengakui menerima wahyu dari Allah, beliau juga mendakwa mempunyai mukjizat. Katanya " Nabi Allah itu telah mewujudkan tiga ribu mukjizat, tetapi mukjizat saya melebihi satu juta."

### 5. Mendakwa para nabi menyaksikan dirinya.

Dalam buku Maktub Ahmad halaman 62, Mirza mendakwa "Nabi Saleh telah menyaksikan kebenaran saya sebelum saya melahirkan seruan. Saya adalah Isa al-Masih yang akan datang. Beliau menyebut nama saya serta nama kampung saya."

### 6. Mendakwa malaikat sebagai pancaindera Tuhan.

Dalam buku Hamuh al-Busyra, halaman 98, Mirza menyatakan " lihatlah pada malaikat-malaikat itu bagaimana Allah menjadikan mereka itu sebagai pancaindera."

### 7. Mendakwa Ibadah Haji di Qadian, India.

Pengikut Qadiani menganggap bahawa daerah Qadian merupakan satu dari tiga tempat yang suci iaitu Makkah, Madinah dan Qadian. Dalam Bigam Sulhi jilid 21 bilangan 22 menyebutkan: Menunaikan haji di Makkah tanpa melakukan haji di Qadian adalah haji yang kering dan kosong kerana haji di Makkah hari ini tidak memenuhi risalah dan tidak menunaikan fardhunya.

### 8. Menafikan Jihad

Mirza adalah menjunjung tinggi penjajah British di India dan menentang jihad. Beliau menulis dalam Shahadatul Quran, "Islam yang saya anuti mengandungi dua

bahagian iaitu taat kepada Allah dan kedua taat kepada pemerintah yang telah memberi keamanan dan perlindungan kepada kita dan mengawal kita dari dizalimi, itulah dia kerajaan Inggeris."

### 9. Mengubah ayat-ayat Al-Quran

Penyelewengan yang dilakukan oleh ajaran Qadiani ialah dengan mengubah ayat al-Quran. Contohnya:

|  |   |
|--|---|
| <p style="text-align: center;">Ayat al-Quran</p> <p style="text-align: center;">وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ ۚ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِمَّنْ دُونِ اللَّهِ ۚ إِنَّ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾</p> <p style="text-align: center;">(al-Quran, surah al-Baqarah 23-24)</p> <p>Mirza telah membuang/mengubah ayat yang bergaris di atas</p> | <p style="text-align: center;">Ayat yang diubah oleh Mirza</p> <p style="text-align: center;">وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ ۚ وَإِنْ كُنْتُمْ تَقْعَلُوا ۚ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِمَّنْ دُونِ اللَّهِ ۚ إِنَّ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾</p> |
| <p style="text-align: center;">وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ وَلَا نَبِيٍّ إِلَّا إِذَا تَمَنَّاهُ أَلْفَى الشَّيْطَانُ فِي أُمْنِيَّتِهِ ۗ</p> <p style="text-align: center;">(al-Quran, surah al-Haj ayat 52)</p> <p>Mirza telah membuang/mengubah ayat yang bergaris di atas, kerana bertentangan dengan dakwaannya sebagai nabi.</p>  | <p style="text-align: center;">وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَسُولٍ وَلَا نَبِيٍّ إِلَّا إِذَا تَمَنَّاهُ أَلْفَى الشَّيْطَانُ فِي أُمْنِيَّتِهِ ۗ</p>  |
| <p style="text-align: center;">إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾</p> <p style="text-align: center;">(al-Quran, surah al-Qadr ayat 1)</p> <p>Mirza telah membuang/mengubah ayat yang bergaris di atas. Tujuan mengatakan bahawa nama atau perkataan Qadian disebut oleh Allah.</p>  | <p style="text-align: center;">إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قَرِيبًا مِنَ الْقَادِيَانِ</p> <p style="text-align: center;">(Lihat: Braheen-e-Ahmadia, hal 313)</p>  |

**Diterbitkan oleh  
JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR**

Tingkat 7 & 8, Menara Utara  
Bangunan Sultan Idris Shah  
40000 Shah Alam.

Tel: 03-5514 3719/3712/3713/3715  
<http://muftiselangor.gov.my>

## KEPUTUSAN FATWA

1. Orang Islam adalah dilarang menjual, mengedar, membeli, memiliki atau memberi ceramah tentang isi kandungan buku-buku berikut:
  - i. "Invitation To Ahmadiyah" yang dikarang oleh Hj. Mirza Bashir-ur-din Ahmad (Khalifatul Masih II).
  - ii. "Penawar Racun Fitnah Terhadap Ahmadiyah" yang ditulis oleh Pengurus Besar Jema'at Ahmadiyah.
  - iii. "Alam Sebagai Saksi" oleh Mohamad Zin bin Hassan.
  - iv. "The Holy Quran With English Translation And Commentary" (vol II, Part I) oleh M. Mas'ud Ahmad.
2. Orang Islam adalah dilarang untuk memberikan, mengembangkan, mengajar, mengadakan kelas pengajian dan pembelajaran, mempelajari, mengamalkan, berpegang kepada ajaran-ajaran, pendapat-pendapat atau fahaman-fahaman yang terkandung di dalam ajaran ini.
3. Orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual, membeli, mengedarkan, menyiarkan, menerbitkan, merakamkan atau menyebarkan dengan apa-apa cara buku atau dokumen atau apa-apa bentuk lain rakaman yang mengandungi apa-apa jua yang berkaitan dengan ajaran ini.
4. Orang Islam adalah juga dilarang menyimpan, membuat atau menyebabkan dibuat, membina atau menggunakan sebarang bentuk lambang, simbol, rajah, lukisan, binaan, tanda-tanda atau bentuk lain gambaran yang boleh dikaitkan dengan ajaran ini.
5. Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor boleh mengarahkan mana-mana pihak yang berkuasa atau mana-mana pihak lain untuk menanggalkan, meruntuhkan, menyita dan apa-apa tindakan lain yang difikirkan wajar terhadap mana-mana tempat, premis, binaan atau sebarang bentuk lambang, simbol, rajah, lukisan, gambar, tanda-tanda atau bentuk lain gambaran yang boleh dikaitkan dengan ajaran sehingga ia tidak lagi menunjukkan kaitan dengan ajaran ini.
6. Orang Islam adalah dilarang membuat dakwaan, pengakuan atau pernyataan terbuka tentang apa-apa perkara yang menunjukkan sokongan atau mempertahankan mana-mana ajaran, fahaman atau pendapat yang telah di fatwakan menyeleweng dan sesat.
7. Orang Islam yang bertindak dengan cara yang menghina, mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 12 (C) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor Tahun 1995.
8. Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor boleh memanggil mana-mana orang atau mana-mana kumpulan yang difikirkan perlu bagi membantunya menyiasat, membuat penilaian, membuat ketetapan dan menentukan tindakan lanjut yang pada pandangannya terlibat dengan apa-apa perkara atau unsur-unsur atau jika ada aduan mengenainya bercanggah dengan hukum syara'.
9. Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor boleh mengarahkan mana-mana orang Islam untuk ditempatkan di Pusat Pemulihan Aqidah dalam tempoh yang difikirkan wajar setelah meneliti laporan yang telah dikemukakan kepadanya terdapat bukti-bukti yang jelas di mana mereka terlibat dengan apa-apa perkara atau unsur-unsur berkaitan dengan mana-mana ajaran, fahaman atau pendapat yang telah difatwakan menyeleweng dan sesat.



# Ajaran AHMADIAH/ QADIANI

Diterbitkan oleh  
**JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR**  
Tingkat 7 & 8, Menara Utara  
Bangunan Sultan Idris Shah  
40000 Shah Alam.  
Tel: 03-5514 3738/3712/3713/3715  
<http://muftiselangor.gov.my>